



PERSEMBAHAN... Pelajar antarabangsa mempersambahkan tarian kebudayaan tempatan.

NST 12.12.2018 ♀
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraikan kehadiran pelajar-pelajar antarabangsa di UMS dalam satu majlis Malam Antarabangsa UMS 2018 yang berlangsung di Grand Ballroom, Nexus Karambunai Resort baru-baru ini.

Bertemakan "Celebrating Diversity" atau Raikan Kepelbagaian, sambutan kali ini diadakan dengan penuh kemeriahan bersama semangat harmoni yang tinggi dalam kalangan para pelajar antarabangsa yang hadir.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMS, Prof Dr Rasid Mail ketika mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin menyampaikan ucapan perasmian berkata, kepelbagaian yang dibawa oleh para pelajar antarabangsa ini akan menjadikan pembelajaran di UMS menjadi lebih menarik khususnya kepada para pelajar tempatan.

"Ini secara tidak langsung akan menyemarakkan lagi medan ilmu dalam laman UMS dan mampu menjadi nilai tambah kepada ilmu pengajian tinggi di universiti tempatan dengan adanya kehadiran komuniti pelajar antarabangsa.

"Penganjuran majlis ini juga mampu menjadi wadah untuk para pelajar antarabangsa dan tempatan menonjolkan budaya dan mempersambahkan persembahan rakyat dari negara masing-masing, sekali gus meningkatkan pengetahuan mengenai etnik dan bangsa yang



KENANGAN... Sebahagian pelajar antarabangsa UMS merakamkan gambar kenangan.

UMS rai kepelbagaian pelajar antarabangsa

pelbagai serta merapatkan lagi hubungan dalam kalangan pelajar dari negara yang berlainan," katanya.

Beliau turut berpesan kepada para pelajar antarabangsa agar sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dalam pengajian mereka semasa di UMS kerana apabila mereka berjaya melengkapkan pengajian kelak mereka turut berperanan sebagai duta UMS di negara masing-masing.

Pada majlis tersebut, seramai 301 pelajar antarabangsa, yang terdiri daripada 131 orang pelajar mobiliti, 119 pelajar program intensif Bahasa Inggeris, dan 51 orang pelajar prasiswazah telah terlibat menjayakan penganjuran program tersebut.

Hadir sama Konsul Jenderal Republik Indonesia di Sabah, Bapak Krishna Djelani dan Naib Konsul Negara Brunei Darussalam, Mohd Asulham Haidi Hj Md Ashrane.



BERSWAFOTO... Prof Dr Rasid Mail berswafoto bersama tetamu dan pelajar antarabangsa